



Soalan Lazim



Hubungi Kami



Aduan dan  
Maklum Balas



Peta Laman

<a href="#">Utama</a>	<a href="#">Profil Kementerian</a> ▾	<a href="#">Piagam Pelanggan</a>
-----------------------	--------------------------------------	----------------------------------

[Hubungi Kami](#) ▾

[Utama](#) [Arkib](#) [2017](#) [Petikan Akhbar](#) [Utusan Malaysia - Ekonomi Malaysia Kukuh :IMF](#)

## Utusan Malaysia - Ekonomi Malaysia Kukuh :IMF

🕒 Rabu, Mei 03 2017



# Ekonomi Malaysia kukuh - IMF

**KUALA LUMPUR 2 Mei** -  
Ekonomi Malaysia mencatat  
prestasi kukuh sekalipun  
berdepan dengan pelbagai  
kesan di peringkat global  
terutama ketidaktentuan  
harga komoditi dan pasaran  
kewangan.

Dana Kewangan  
Antarabangsa (IMF)  
dalam Laporan Konsultasi  
Tahunan Lembaga Eksekutif  
Mengenai Malaysia 2017  
turut memuji daya tahan

carut menentu daya tahan ekonomi Malaysia yang mencerminkan dasar tindak balas makroekonomi yang mampu menangani ketidakpastian dan risiko.

Laporan itu menyifatkan pertumbuhan ekonomi negara didorong oleh asas eksport yang pelbagai, kedudukan imbalan tunai yang kukuh, kadar tukaran yang fleksibel dan pasaran kewangan yang meluas.

Jelasnya, walaupun pertumbuhan sebenar Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) semakin perlahan, tetapi Malaysia masih merupakan yang pesat berkembang dalam kalangan negara serantau yang lain.

“Tahun ini, KDNK negara dijangka berkembang sederhana pada 4.5 peratus berbanding 4.2 peratus tahun lalu manakala 4.7 peratus pada 2018. Permintaan domestik yang diterajui oleh penggunaan swasta akan terus menjadi pemacu utama pertumbuhan manakala eksport bersih pula kekal sama seperti 2016.

“Bagaimanapun, dengan mengambil kira

pertumbuhan yang lebih lemah daripada jangkaan dalam ekonomi maju dan baharu muncul daripada integrasi merentas sempadan kemungkinan memberi kesan kepada ekonomi domestik. Untuk itu, langkah waspada dan usaha berterusan untuk mengukuhkan dasar serta merangsang pertumbuhan ekonomi jangka panjang perlu diberi tumpuan," jelas laporan itu hari ini.

UTUSAN



BISNES

AGENSI

WARGA

## Perkhidmatan MOF

Perkhidmatan Atas Talian <

Aplikasi Mudah Alih <

Laman Mikro <

e-Penyertaan & Maklumbalas <

---

Statistik & Prestasi <

---

Pautan <

---

Agensi <

---

## Hubungi Kami

Kementerian Kewangan Malaysia  
No. 5 Persiaran Perdana, Presint 2,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62592 WP PUTRAJAYA

☎ 03-8000 8000

📠 03-88823893 / 03-88823894

✉ pro[at]treasury[dot]gov[dot]my



---

[Dasar Privasi](#) | [Dasar Keselamatan](#) | [Penafian](#) | [Peta Laman](#) | [Bantuan](#) | [Arkib](#) | [Undian](#)

© **Hakcipta Terpelihara Kementerian Kewangan Malaysia.**

Paparan terbaik menggunakan pelayar internet Safari, Chrome atau Firefox yang terkini.

Kemaskini terakhir: **22 Januari 2020** | Jumlah Pelawat: **27637216**